

**Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari JIMK**  
Journal of Islam and Contemporary Society

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**SEBAB HURUF BA' MEMPUNYAI SATU TITIK DI BAWAH: SATU SOROTAN**

**[REASONS OF WHY THE LETTER BA' HAS ONE BELOW DOT: A REVIEW]**

WAN MOHD AL HAFIZ WAN MUSTAPHA<sup>1\*</sup>  
AHMAD SYAKIR MOHD NASSURUDDIN<sup>2,3</sup>  
MOHD JISMANI YUSOFF<sup>4</sup>  
MUHAMAD HAMIDANI MUSTAPHA<sup>1</sup>  
KAMARUL SHUKRI MAT TEH<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Jabatan al-Quran dan Hadis, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS),  
Jalan Kuala Krai, Bandar Kota Bharu, 16010 Kota Bharu, Kelantan, MALAYSIA.

<sup>2</sup>Jabatan al-Syariah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS),  
Jalan Kuala Krai, Bandar Kota Bharu, 16010 Kota Bharu, Kelantan, MALAYSIA.

<sup>3</sup>Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK),  
Beg Berkunci No. 1, 16300, 16300 Bachok, Kelantan

<sup>4</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA),  
Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

\*Corresponding author: wanahafiz@gmail.com

Received Date: 20 June 2022 • Accepted Date: 15 October 2022

**Abstrak**

Mashaf Uthmani mempunyai beberapa aliran dalam pemilihan penandaan titik pada huruf Hija'iyyah. Perbezaan aliran ini secara tidak langsung menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat yang kurang mengetahui berkenaan perbezaan penandaan titik huruf di dalam mashaf. Daripada huruf Hija'iyyah tersebut, huruf Ba' menjadi fokus kajian berdasarkan susunan yang lebih terdahulu berbanding empat huruf lain dalam kategorinya. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci dan tepat agar tidak berlaku kesamaran dalam kalangan masyarakat. Ini merupakan kajian kualitatif. Dapatan kajian adalah bersumberkan dokumentasi dan persejarahan yang dianalisis menggunakan metode analisis teks dan kandungan. Hasil kajian mendapati sebab huruf Ba' diberikan satu titik sahaja di bahagian bawah adalah kerana tiga faktor daripada empat faktor keseluruhan. Kesimpulannya, huruf Ba' didapati mempunyai keunikan tersendiri berbanding huruf Hija'iyyah yang lain di sisi aliran-aliran penandaan mashaf.

**Kata kunci:** Titik Huruf, Huruf Ba', Penandaan Mashaf

### **Abstract**

*The Ottoman Mashaf has several streams in the selection of point markings on the Hija'iyyah letters. These differences in flow indirectly cause confusion among the people who do not know about the differences in the marking of letter dots in the mashaf. From the letters Hija'iyyah, the letter Ba' became the focus of the study based on the earlier order compared to the other four letters in the category. This study aims to obtain more detailed and accurate information so that there is no ambiguity in the community. This is a qualitative study. The findings of the study are sourced from documentation and history that are analyzed using text and content analysis methods. The results of the study found that the reason the letter Ba' was given only one dot at the bottom was because of three factors out of a total of four factors. In conclusion, the letter Ba' was found to have its own uniqueness compared to other Hija'iyyah letters in terms of mashaf marking trends.*

**Keywords:** Letter Dot, Letter Ba', Mashaf Marking

**Cite as:** Wan Mohd Al Hafiz Wan Mustapa, Ahmad Syakir Mohd Nassuruddin, Mohd Jismani Yusoff, Muhamad Hamidani Mustapha & Kamarul Shukri Mat Teh. 2022. Sebab Huruf Ba' Mempunyai Satu Titik di Bawah: Satu Sorotan [Reasons of Why the Letter Ba' Has One Below Dot: A Review]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(3): 112-126

## **PENGENALAN**

Pengajian al-Quran semakin mendapat tempat di hati rakyat Malaysia. Perkara ini mula mendapat perhatian awam secara meluas apabila munculnya program Akademi al-Quran di kaca TV seluruh Malaysia bahkan sehingga ke Singapura dan Brunei. Kemudian terus berkembang dengan pesat sejajar dengan dasar pendidikan kerajaan melalui kurikulum tahliz dan dini yang digunakan di sekolah menengah tahliz model *ulul albab* di kebanyakan negeri khasnya semenanjung Malaysia.

Hasil penelitian, pengajian berkaitan al-Quran ini adalah mirip antara satu sama lain. Ia berkisar tentang ilmu Tajwid, ilmu Qiraat, dan ilmu *Tarannum*. Ilmu-ilmu al-Quran yang lain seperti ilmu penulisan al-Quran (*Rasm*), ilmu *al-Fawasil*, dan ilmu penandaan al-Quran (*Dhabit*) masih belum diajar secara mendalam bahkan belum tersebar luas dalam kalangan masyarakat. Apa yang dimaksudkan dengan belum diajar secara mendalam adalah seperti dalam pengajian ilmu *Dhabit* al-Quran, kenapa huruf ↘ mempunyai satu titik di bawah?

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kualitatif merupakan penyelidikan empirikal yang datanya bukan dalam bentuk nombor (Punch, 1998). Denzin dan Lincoln (1994) berpendapat penyelidikan kualitatif melibatkan kepelbagaiannya kaedah secara terfokus, termasuk menggunakan pendekatan naturalistik (semula jadi) untuk menyelidik sesuatu objek. Bagi Creswell (1994), penyelidikan kualitatif merupakan suatu proses inkuiri ke arah pemahaman yang didasari kaedah pengumpulan data yang lazim digunakan apabila meninjau sesuatu permasalahan sosial.

Data kualitatif pula merujuk kepada maklumat atau data berbentuk teks atau ayat-ayat yang tidak mempunyai struktur tertentu dan tidak mungkin dapat dirumuskan dalam bentuk nombor atau statistik seperti data kuantitatif (Woods, 2006), malah data kualitatif tidak semestinya terhasil daripada penyelidikan kualitatif sahaja (Fatimah S. dan Lim C.S., 2010). Data kualitatif dalam kajian ini dikumpul melalui kajian dokumen. Pelbagai jenis dokumen seperti laporan, artikel, jurnal, tesis, dan hasil penerbitan yang berkaitan menjadi sumber maklumat penting kepada penyelidikan ini (Fatimah S. dan Lim C.S., 2010).

## **HURUF DAN PENANDAAN**

Istilah ‘huruf’ yang digunakan dalam bahasa Melayu sebenarnya berasal daripada bahasa Arab iaitu حرف (*harf*). *Harf* ialah kata tunggal sebelum dijadikan kata jamak iaitu حروف (*huruf*). Mengikut Dewan Bahasa dan Pustaka (2010), huruf bermaksud lambang atau simbol kepada bunyi-bunyi bahasa.

Setiap bahasa secara amnya diasaskan pada bunyi yang diujarkan oleh penuturnya dan difahami oleh pendengarnya. Ini kerana bunyi bahasa dianggap sebagai ciri asas yang utama dalam penggunaan bahasa. Manakala ciri yang kedua ialah bentuk tulisan yang menjadi lambang kepada bunyi tersebut. (Mohd. Zaki, 2001)

Menurut Ibn Jinni (1993), huruf ialah tempat terputusnya bunyi yang sedang melintasi organ-organ pertuturan. Bunyi pula di sisi beliau merupakan unsur yang keluar bersama nafas dalam keadaan memanjang dan bersambungan.

Adapun huruf yang dimaksudkan oleh pengkaji dalam kajian ini ialah merujuk kepada unit terkecil yang membentuk sesuatu perkataan. Perkataan merupakan unit kecil dalam bahasa yang mempunyai makna tersendiri, yang kebiasaannya bergabung bersama beberapa perkataan lain bagi membentuk suatu ayat, seterusnya menjadi asas komunikasi dan interaksi antara manusia (Mohd. Zaki, 2001)

Sesuatu perkataan akan dibina dengan huruf sebagai bahan mentah yang pada asasnya terbit daripada benak manusia dan diucapkan oleh lidahnya atau ditulis oleh tangannya. Justeru, huruf dikatakan mempunyai tiga dimensi. Dimensi pertama ialah dimensi pemikiran yang merupakan gambaran rohani dalam akal manusia. Kedua ialah dimensi percakapan atau pertuturan. Dimensi ini berbentuk bunyi yang dilafazkan dan didengar oleh telinga. Dimensi ketiga ialah dimensi penulisan yang merupakan ukiran pena yang dapat dilihat dengan mata. (Mohd. Zaki, 2001)

Justeru, huruf ialah satu istilah yang merangkumi aspek bunyi dan lambang bertulis. Ini bertepatan dengan pendapat Ibn al-Jazari (1993) dalam kitab beliau *al-Nashr* yang menjadi antara rujukan utama kepada pengkaji ilmu al-Quran dari dahulu sehingga sekarang.

## **HURUF DALAM BAHASA ARAB DAN PERKEMBANGANNYA DALAM ERA ISLAM**

Antara sandaran tulisan dan huruf bahasa Arab sebelum kedatangan Islam adalah kepada seorang tokoh Quraish iaitu Harb bin Umayyah bin ‘Abd al-Shams, bapa kepada Abu Sufyan RA. (Abd al-Fattah, 2003). Beliau seorang peniaga yang sentiasa bermusafir ke negara-negara luar untuk berdagang. Menurut ‘Abd al-Fattah al-Qadi (2003), disebabkan terlalu banyak

bermusafir maka Harb bin Umayyah telah mempelajari banyak bahasa dunia termasuk tulisan. Menurut salah satu riwayat, beliau berguru dengan ‘Abdullah bin Jud‘an yang bersambung sanadnya sehingga al-Khaljan bin al-Mawham (sebahagian riwayat menyebut al-Juljan bin al-Muhim), iaitu penulis wahyu kepada Nabi Hud AS Justeru, beliau merupakan guru yang mengajar bahasa dan tulisan kepada masyarakat Quraish setiap kali pulang ke Mekah (Abd al-Fattah, 2003). Selain daripada riwayat ini, terdapat riwayat lain berkenaan perkara tersebut. Hal demikian boleh dirujuk secara lebih terperinci dalam kitab-kitab ulama seperti al-Zubaidi (1989), al-Suyuti (1966), al-Suli (1922), Ibn Duraid (1991), Ibn Qutaibah (1981 & 1982), Ibn Abi Daud (2002), al-Qalaqshandi (1922), al-Asfahani (1991), Abu al-Qasim (1973), Ibn 'Abd Rabbihu (1983), al-Baladzuri (1987) dan Ibn Khallikan (2009).

Menurut Mohd Zaki (2001), boleh dikatakan huruf Arab mula timbul di awal kurun ke-4 M bersama dengan pertumbuhan bahasa Arab dalam kalangan Bani ‘Adnan bin Isma‘il bin Ibrahim AS. Orang Arab mula mengambil berat dengan tulisan mereka selepas turunnya al-Quran al-Karim.

Seperti sedia maklum, al-Quran al-Karim pada zaman Nabi Muhammad SAW telah ditulis tanpa baris dan titik dengan berpandukan arahan dan tunjuk ajar daripada baginda SAW khasnya berkenaan di mana lokasi dan tertib ayat al-Quran al-Karim yang bakal ditulis oleh para penulis wahyu. Sabda baginda SAW:

لَا تَكْتُبُوا عَنِّي سُوئِ الْقُرْآنَ، فَمَنْ كَتَبَ عَنِّي غَيْرُ الْقُرْآنَ فَلِيَمْحُهُ

Jangan kamu tulis daripada aku selain al-Quran, sesiapa yang telah menulis daripada aku selain al-Quran, maka hendaklah dia memadamkannya. (Sahih Muslim, no. hadis 3304 & Ibn Hajar, 1959)

أَن رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا نَزَّلَتْ عَلَيْهِ آيَةٌ دَعَا بَعْضَ مَنْ يَكْتُبُ، فَقَالَ: ضَعْ هَذِهِ الْآيَةَ فِي  
الْمَوْضِعِ الَّذِي يَذَكُرُ فِيهِ كَذَا وَكَذَا

Sesungguhnya Rasulullah S.A.W apabila turun kepada baginda sepotong ayat al-Quran, baginda akan menyeru sebahagian orang yang boleh menulis, lantas berkata: Letak ayat ini di tempat yang disebut padanya demikian dan demikian. (Abu Dawud, no.hadis 786)

Selain itu, bentuk huruf dan tulisan yang pertama sekali digunakan untuk menulis wahyu ialah tulisan *al-Hijazi*. Tulisan ini berasal daripada tulisan *al-Anbar*, namun telah mengalami beberapa penambahbaikan semasa digunakan di Mekah, maka ia kemudiannya dikenali dengan nama *al- Hijazi*. (Abd al-Fattah, 2003)

Tulisan-tulisan lain seperti *Kufi*, *Riq‘ah*, dan *Nasakh* belum digunakan dalam penulisan al-Quran pada ketika ini. Walau bagaimanapun, tulisan tersebut mula mendapat tempat dalam penulisan semasa zaman khalifah Uthman RA, seterusnya berkembang pesat pada zaman khilafah Umayyah dan ‘Abbasiyyah.

Walau bagaimanapun, kajian mendapati bahawa orang Arab telah mula meletakkan titik pada tulisan mereka sebelum penurunan al-Quran lagi. Hal demikian kerana terkesan dengan kemajuan tulisan oleh kaum Siryan yang telah mencipta tanda-tanda harakat (baris) dalam penulisan mereka.

al-Dani (1986) pada perkara ini menyatakan bahawa bahasa dan tulisan kaum Siryan ini merupakan pecahan daripada bahasa dan tulisan kaum Phoenix (Finiq). Namun, kaum Phoenix ini belum mempunyai huruf-huruf vokal dalam tulisan mereka. Justeru, kaum Siryan telah melakukan penambahbaikan dengan mencipta huruf-huruf vokal dan harakat (baris) yang kemudiannya dikenali sebagai tulisan Siryani. (al-Dani, 1986)

Tulisan Siryani telah mencapai tahap ketamadunan yang tinggi sehingga digunakan sebagai tulisan dalam kitab-kitab suci khasnya Injil oleh kaum Ibrani. Kaum Ibrani sangat terkesan dengan penulisan Siryani sehingga tercipta satu nama khusus bagi tulisan Siryani dalam kitab suci mereka iaitu al-Satrunjiliy (السْطُّرْنِجْلِي). (Ribhi Kamal, 1963; Israel Wolfensohn, 1929; Ibrahim, 1947; al-Musili, 2008; Juwaidi, 1908 & Ibn al-Nadim, 1971)

Kesimpulannya, ketiga-tiga kaum ini iaitu Siryani, Ibrani dan Arab telah menggunakan suatu kaedah penandaan yang hampir sama dalam penulisan huruf-huruf vokal untuk kegunaan masing-masing. Justeru, adalah kurang tepat jika dikatakan bahawa penandaan titik pada tulisan belum wujud semasa penulisan al-Quran. Namun, kajian mendapat dua sebab utama kenapa penulisan mushaf tidak mempunyai baris dan titik. Sebab pertama ialah kerana meraikan kepelbagaiannya bacaan (qiraat) pada setiap kalimah. Kedua, kerana kaedah penandaan titik dan baris pada ketika itu adalah tidak seragam sesama penulis bahkan berbeza antara negeri-negeri. Merujuk kepada sebab kedua, para sahabat RA mempunyai kaedah penandaan titik tersendiri dalam mushaf masing-masing. Namun, kaedah tersebut tidak merangkumi keseluruhan kalimah al-Quran bahkan tiada keseragaman kaedah antara para sahabat RA.

Menurut al-Dani (1986), para sahabat tidak meletakkan kaedah penandaan titik yang khusus semasa meletakkan titik dalam mashaf masing-masing. Mereka mula meletakkan titik hanya sebagai catatan untuk memudahkan bacaan sendiri. Justeru, ia tidak merangkumi keseluruhan al-Quran. Kaedah penandaan titik itu juga berbeza-beza antara para sahabat-sahabat berdasarkan tahap pengetahuan masing-masing.

Antara bukti yang ditemui ialah warga Madinah pada awal dahulu telah menulis suatu bentuk penandaan titik yang tidak dikenali umum sebelum berubah kepada kaedah penandaan titik warga Basrah. Warga Basrah pada ketika itu menggunakan kaedah penandaan Abu al-Aswad al-Duali. Situasi yang sama berlaku kepada warga Mekah. Mereka juga pada peringkat awal menggunakan kaedah penandaan tersendiri sebelum bertukar kepada kaedah penandaan warga Basrah. Di samping itu, bentuk penandaan ini juga turut digunakan pada mashaf Andalus, mashaf Iraq mashaf Sham. (al-Dani, 1986)

Selepas kaedah penandaan al-Khalil ini diterima pakai oleh jumhur ulama, maka perubahan penandaan dalam mashaf Uthmani telah berlaku secara menyeluruh. Berikut ialah sebahagian ulama yang masyhur dalam bentuk penulisan dan penandaan mashaf kaedah al-Khalil;

- i. Abu Muhammad Yahya bin al-Mubarak al-Yazidi
- ii. Abu ‘Abd al-Rahman Abdullah bin Yahya bin al-Mubarak
- iii. Abu Hatim Sahl bin Muhammad al-Sijistani
- iv. Abu Abdullah Muhammad bin ‘Isa al-Asbahani
- v. Abu al-Husin Ahmad bin Ja’far al-Munadi
- vi. Abu Bakar Ahmad bin Musa bin Mujahid

- vii. Abu Bakar Muhammad bin Abdallah bin Ashtah
- viii. Abu al-Hasan ‘Ali bin Muhammad bin Bishr



Rajah 1: Ulama Penulisan Dan Penandaan Yang Masyhur Mengikut Negeri

Selain daripada ulama yang tersebut di atas, telah terdapat ulama yang masyhur dalam bidang penulisan dan penandaan di setiap negeri dalam kalangan *mutaqaddimin* (ulama terdahulu). Rajah 1 menunjukkan senarai sebahagian daripada ulama terdahulu yang masyhur berdasarkan negeri masing-masing;

- i. Madinah: ‘Isa bin Mina atau lebih dikenali dengan nama Qalun. Salah seorang perawi bacaan Imam Nafi’ al-Muqri’.
- ii. Basrah: Bashshar bin Ayyub iaitu guru kepada Imam Ya’qub bin Ishaq al-Hadrami al-Muqri’, dan Mu’alla bin ‘Isa al-Jahdari.
- iii. Kufah: Salih bin ‘Asim al-Naqit iaitu sahabat kepada Imam al-Kisa’i
- iv. Andalus: Hakim bin ‘Imran iaitu sahabat kepada al-Ghazi bin Qais.

Kajian mendapati bahawa ulama Madinah menggunakan dua jenis warna dalam penandaan mashaf mereka iaitu merah dan kuning. Ulama Kufah dan Basrah pula telah menambah satu lagi warna dalam penandaan mashaf menjadikannya tiga warna iaitu merah, kuning dan hijau. Ulama Iraq pula hanya menggunakan satu warna sahaja dalam penandaan mashaf iaitu warna merah. (al-Dani, 1986)

## PEMBAHAGIAN HURUF al-QURAN BERDASARKAN TITIK

Dalam konteks huruf-huruf dan perkataan al-Quran, majoriti ulama telah berpendapat bahawa jumlah keseluruhan perkataan dalam al-Quran adalah 77,934 patah perkataan (al-Suyuti, 2004 & al-Mukhallilati, 1992). Setiap perkataan tersebut terbentuk hasil gabungan huruf-huruf al-

Quran, dan semestinya semua huruf di dalam al-Quran ialah huruf bahasa Arab kerana bahasa tersebut merupakan bahasa al-Quran. Firman Allah SWT:

﴿إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لِّعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ﴾

Sesungguhnya Kami menurunkan kitab itu sebagai al-Quran yang dibaca dengan bahasa Arab, supaya kamu (menggunakan akal untuk) memahaminya (Yusuf 12:2).

Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan bagi meneliti huruf-huruf hija'iyyah yang terdapat di dalam al-Quran dari sudut faktor-faktor utama yang mempengaruhi penandaan titik pada huruf-huruf berkenaan sehingga dibahagikan kepada dua kategori iaitu huruf *Mu'jamah* (mempunyai titik) dan huruf *Muhmalah* (tiada titik). (Muhammad Salim, 2002; al-Dani, 1986 & Ghani, 2009)


Justeru, setiap huruf yang mempunyai titik dalam Bahasa Arab khasnya al-Quran adalah dikenali dengan nama huruf *Mu'jamah*. Manakala huruf yang tidak mempunyai titik pula dikenali dengan nama huruf *Muhmalah*. Huruf *Mu'jamah* terdiri daripada 15 huruf iaitu ب ت ث ج خ ذ ز ش ض ظ غ ف ق ن ي. Selain daripada huruf-huruf tersebut ialah huruf *Muhmalah*.

Bilangan huruf *Muhmalah* berbeza-beza dalam kalangan ulama berdasarkan perselisihan pada huruf Alif, Lam Alif, dan Hamzah. Justeru, bilangannya sama ada 15 huruf, 14 huruf, atau 13 huruf. Perbincangan ini melibatkan jumlah huruf *hija'iyyah* secara keseluruhan sama ada 28 huruf, 29 huruf, atau 30 huruf. (al-Khalil, 1967; Sibawayh, 1977; Ibn Jinni, 1993; al-Shatibi, 2010; Ibn al-Jazari, 2000; Muhammad Hasan, 2006; Mohd Zaki, 2001; al-Juraysi, 1999 & Surur, 2007)

Walau bagaimanapun, Muhammad Salim (2002) semasa menghuraikan penandaan titik huruf pada zaman awal penciptaannya hanya menyebut 13 huruf *Muhmalah*. Beliau tidak memasukkan huruf Hamzah dan Lam Alif dalam kategori *Muhmalah*. Hal demikian kerana kedua-dua huruf terbabit mempunyai perbincangan yang khusus dalam bidang pengajian ilmu Dabt. Huruf-huruf *Muhmalah* tersebut adalah seperti berikut;

أ ح د ر س ص ط ع ك ل م و ه

Natijah daripada kajian yang dilakukan, didapati enam kategori huruf yang digarap oleh al-Dani (1986) ini memainkan peranan yang cukup besar kepada kefahaman penandaan titik huruf di dalam mashaf-mashaf uthmani sekarang. Walau bagaimanapun, al-Dani (1986) di dalam kitab beliau *al-Muhkam* telah menyebut bahawa kategori yang dibuat adalah berdasarkan apa yang diterima daripada kaedah penandaan huruf oleh Nasr bin 'Asim dan Yahya bin Ya'mar.



Rajah 2: Kategori Huruf Hijaiyyah (al-Dani, 1986)

Berdasarkan Rajah 2, al-Dani (1986) telah membahagikan huruf-huruf *hijaiyyah* kepada beberapa kategori. Kategori ini dibina berdasarkan beberapa asas. Konklusinya, huruf-huruf *hijaiyyah* telah dibahagikan kepada enam kategori iaitu:

- i. Kategori Pertama: ب ن - ت ي - ث
- ii. Kategori Kedua: ج ح خ
- iii. Kategori Ketiga: د ذ - ر ز - ص ض - ط ظ - ع غ
- iv. Kategori Keempat: س ش
- v. Kategori Kelima: ف ق
- vi. Kategori Keenam: ا ك ل م - و - ه



Rajah 3: Asas Pembahagian Kategori Huruf

Rajah 3 menunjukkan asas-asas yang digunakan untuk membuat kategori terhadap huruf. Kajian mendapat terdapat empat asas yang digunakan iaitu yang pertama sekali melihat kepada kadar kekerapan penggunaan huruf di dalam al-Quran. Huruf yang mempunyai kekerapan paling tinggi dan paling banyak digunakan akan didahulukan berbanding huruf lain. Justeru, huruf Alif diletakkan sebagai huruf permulaan sama ada pada susunan *Abjadiyyah* mahupun Alfabet. Selain itu, huruf Alif juga merupakan rumah kepada Hamzah yang merupakan permulaan kepada semua makhraj huruf daripada pangkal kerongkong.

Asas kedua, bentuk huruf itu sendiri yang hampir sama antara satu sama lain (*Mutashabihat*). Persamaan ini merujuk kepada bentuk huruf dalam lima keadaan iaitu semasa bersendirian, bersambung dengan huruf lain, pada awal perkataan, pertengahan perkataan, dan akhir perkataan. Keadaan bersambung pula terbahagi kepada dua jenis iaitu boleh bersambung dengan huruf selepasnya sahaja, dan boleh bersambung dengan huruf sebelum serta huruf selepasnya. Persamaan bentuk juga perlu melibatkan tiga huruf dan ke atas. Justeru, kajian mendapat terdapat lapan huruf yang dinamakan sebagai *Mutashabihat*. Lapan huruf tersebut adalah merujuk kepada dua kategori iaitu huruf kategori pertama (ب ن - ت ي - ح ج) dan kategori kedua (د ز - ر ص - ض - ط ظ).

Asas ketiga, merujuk kepada huruf berkembar atau berpasangan (*Muzdawijat*). Asas ini merujuk kepada dua huruf yang mempunyai bentuk 100% sama dalam semua situasi. Huruf itu juga hanya berjumlah dua huruf sahaja. Komposisi 100% sama bentuk dan berjumlah dua huruf sahaja ini merupakan titik perbezaan antara *Muzdawijat* dengan *Mutashabihat*. Hal demikian kerana bentuk huruf-huruf *Mutashabihat* ini tidak mencapai tahap 100% sama dalam semua situasi dan jumlah hurufnya juga lebih daripada dua huruf. Justeru, kajian mendapat terdapat 14 huruf yang dinamakan sebagai *Muzdawijat*. Huruf-huruf tersebut adalah merujuk kepada tiga kategori iaitu huruf kategori ketiga (ف ق - غ ع - ش س) dan kategori kelima (ه م - و ل - ك ل - ز د).

Asas keempat ialah melihat kepada huruf yang bersendirian dari sudut bentuk (*Munfaridat*). Asas ini merujuk kepada bentuk huruf yang berbeza dengan huruf lain, bahkan sebagianya mempunyai bentuk yang unik dan tersendiri. Justeru, kajian mendapat terdapat enam huruf yang dinamakan sebagai *Munfaridat*. Huruf-huruf tersebut adalah merujuk kepada huruf kategori keenam (ا - ك - ل - م - و - ه).

Jadual 1: Keadaan Huruf Dari Sudut Bersambung Atau Tidak

Sebelum Dan Selepas (22 Huruf)	Sebelum Sahaja (6 Huruf)
ب ت ث ج ح خ س ش ص ض ط ظ ع غ ف ق ك ل م ن ه ي	ادذر ز و

Merujuk kepada asas kedua, Jadual 1 di atas menjelaskan bahawa huruf *hijaiyyah* yang boleh bersambung dengan huruf sebelum dan selepasnya ialah sebanyak 22 huruf iaitu, ب ت ث ج ح خ س ش ص ض ط ظ ع غ ف ق ك ل م ن ه ي. Di samping itu, terdapat enam huruf *hijaiyyah* yang hanya boleh bersambung dengan huruf sebelumnya sahaja iaitu, ا د ذ ر ز و. Huruf-huruf ini tidak boleh bersambung dengan huruf selepasnya kerana akan menimbulkan kekeliruan terhadap bentuk huruf tersebut dengan huruf lain. Sebagai contoh, jika huruf Waw


(و) disambungkan dengan huruf selepasnya maka bentuknya akan sama dengan huruf Fa (ف) dan Qaf (ق). Begitu juga dengan lima huruf lain yang sejenis dengannya.

Hamzah pula tidak dimasukkan ke dalam pembahagian di atas kerana bentuknya tidak dikira sebagai huruf bahkan hanya sebagai tanda sahaja berdasarkan pandangan ulama Rasm dan Dabt. Walau bagaimanapun, Hamzah akan menjadi jenis ketiga jika dikira sebagai huruf iaitu jenis huruf yang tidak boleh bersambung dengan huruf sebelum dan selepasnya.

### **FAKTOR PENANDAAN TITIK HURUF DALAM MASHAF *al-MASHARIQAH DAN al-MAGHARIBAH***

Terdapat beberapa persoalan berkenaan titik huruf khususnya dalam kalangan pengkaji bidang al-Quran. Antara persoalannya ialah kenapa huruf Ba' diletakkan satu titik di bawah sedangkan huruf tersebut datang terlebih dahulu berbanding huruf Nun dari sudut susunan *alfabaiyyah*? Sebenarnya, persoalan tersebut berkait rapat dengan faktor penandaan titik yang telah dicipta oleh dua orang tokoh ulama sebelum ini iaitu Nasr bin 'Asim dan Yahya bin Ya'mar. Kaedah ini kemudiannya dipelopori oleh dua blok ulama dalam bidang Dabt (penandaan). Dua blok ulama ini dikenali dengan nama *al-Mashariqah* dan *al-Maghribah*. Blok *al-Mashariqah* bermula dari Mesir hingga Iraq, dan Yaman hingga Syria. Blok *al-Maghribah* pula bermula dari Libya hingga ke Maghribi (Morocco) termasuk al-Andalus (al-Zahabi, 2004). Selain daripada kawasan-kawasan tersebut, umat Islam di kawasan lain menggunakan kaedah penandaan *al-Mashariqah*, termasuk juga Malaysia.

Daripada dua blok ini, terdapat banyak perbezaan sama ada dari sudut baris maupun titik huruf. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya akan memfokuskan pada titik huruf Ba' sahaja tanpa menafikan kepentingan ilmu pengetahuan tentang baris-baris huruf di dalam al-Quran.



Rajah 4: Faktor Penandaan Huruf Mu'jamah

Sebelum ditentukan bilangan titik dan kedudukan titik pada mana-mana huruf, terdapat beberapa perkara yang perlu diteliti terlebih dahulu. Perkara-perkara tersebut merupakan faktor penyebab kepada bentuk penandaan titik huruf seperti yang ada sekarang. Merujuk kepada Rajah 4, kajian mendapati terdapat empat faktor penyumbang kepada pembentukan penandaan huruf *Mu'jamah*. Faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut:

**i. Kedudukan Huruf:**

Faktor ini merujuk kepada kedudukan huruf dalam mana-mana perkataan sama ada di awal perkataan, di tengah, atau di akhir. Setiap huruf akan dinilai sama ada mempunyai persamaan atau tidak dengan huruf-huruf lain semasa berada pada tiga kedudukan tersebut. Justeru, kadar persamaan dan perbezaan yang berhasil akan menyumbang kepada keperluan penandaan titik terhadap setiap huruf.

**ii. Fungsi Huruf:**

Merujuk kepada fungsi huruf dari sudut kaedah Bahasa Arab. Kajian mendapati bahawa faktor ini hanya terpakai pada dua huruf sahaja dalam mazhab *al-Mashariqah*, manakala ianya dalam mazhab *al-Maghribah* terpakai pada tiga huruf.

**iii. Baris Sebutan Huruf:**

Sebutan di sini bukan bermaksud cara sebutan huruf, tetapi baris yang digunakan semasa mana-mana huruf dituturkan secara bersendirian. Sebagai contoh, baris *fathah* digunakan pada sebutan huruf *Ba* (ب), huruf *Ta* (ت) dan huruf *Tha* (ث) iaitu باء تاء ثاء. Semestinya bukan semua sebutan menggunakan baris *fathah*. Kajian mendapati bahawa baris sebutan ini menjadi faktor kepada lokasi penandaan titik seperti di atas huruf atau di bawah huruf. Walau bagaimanapun, kajian juga mendapati bahawa faktor ini hanya terpakai jika tiada pertembungan dengan faktor lain khususnya faktor fungsi huruf.

**iv. Susunan Huruf:**

Susunan yang dimaksudkan di sini ialah merujuk kepada susunan *alfabaiyyah*, bukan *abjadiyyah*. Kajian mendapati bahawa sebab digunakan susunan *alfabaiyyah* adalah kerana penandaan huruf menggunakan kaedah titik *I'jam* ini dicipta oleh ulama yang sama iaitu Nasr bin 'Asim dan Yahya bin Ya'mar. Justeru, titik *I'jam* dan susunan *alfabaiyyah* adalah dicipta bersama oleh ulama yang sama dan pada zaman yang serupa.

## PENANDAAN TITIK HURUF

Seperti yang disebutkan sebelum ini, kategori huruf yang dinyatakan oleh al-Dani (1986) ada pemudah cara untuk lebih memahami faktor penandaan titik pada huruf *Mu'jamah*. Setiap kategori perlu dikaji berdasarkan keempat-empat faktor sebelum mendapatkan sebarang natijah. Selain itu, perbezaan pendapat antara *al-Mashariqah* dan *al-Maghribah* juga akan

dibincangkan kerana dunia hari ini didominasi oleh dua pendapat tersebut dari sudut penandaan mashaf.

### **Huruf ب ن - ت ي - ث**

Huruf-huruf di atas diletakkan dalam satu kategori kerana terdapat persamaan pada bentuk. Walau bagaimanapun, persamaan tersebut hanya semasa berada pada awal dan tengah perkataan sahaja. Hal demikian berbeza semasa berada di akhir perkataan. Sebagai contoh apabila huruf kategori ini berada di awal perkataan, bentuknya adalah sukar untuk dibezakan sekiranya tiada titik. Contohnya:

س = بِنْتٌ

Perkataan بِنْتٌ di atas ialah contoh perkataan dalam keadaan selepas dan sebelum diletakkan titik huruf serta baris. Jika diperhatikan, terdapat empat huruf dalam perkataan tersebut tetapi sukar untuk ditentukan apakah huruf yang sebenar disebabkan bentuknya yang sama dengan huruf-huruf dalam kategori pertama. Walau bagaimanapun, bukan semua huruf memilik bentuk yang sama apabila berada di kedudukan yang berbeza. Contohnya ialah huruf Nun (ن) dan huruf Ya (ي). Dua huruf ini berbeza bentuk dengan huruf-huruf dalam kategori pertama apabila berada di akhir perkataan malah mempunyai bentuk yang tersendiri semasa bersendirian. Justeru, daripada lima huruf yang sama bentuk pada dua kedudukan iaitu di awal perkataan dan tengah perkataan, dua huruf telah berbeza bentuk apabila berada di akhir perkataan. Perbezaan pada kedudukan ini merupakan faktor pertama yang menentukan bilangan dan kedudukan titik pada huruf dalam kategori ini.

Seterusnya sebelum meletakkan titik, perlu melihat kepada huruf *Ba* (ب) *Ta* (ت) *Tha* (ث) terlebih dahulu berbanding huruf *Nun* (ن) dan huruf *Ya* (ي) memandangkan tiga huruf tersebut berada dalam urutan yang lebih awal mengikut susunan *alfabaiyyah* (salah satu faktor penandaan). Tiga titik diperlukan kerana jumlah hurufnya adalah tiga huruf. Untuk menentukan posisi titik, faktor fungsi dan faktor sebutan amat diutamakan. Sebutan huruf *Ba* باء تاء ثاء. Justeru, posisi titik perlu ditanda di atas huruf menjadikan huruf *Ba* satu titik di atas, huruf *Ta* dua titik di atas, dan huruf *Tha* tiga titik di atas. Kaedah sebutan ini terpakai sekiranya tiada faktor lain yang menegah atau menghalang. Oleh yang demikian, didapati titik huruf *Ba* bukan berada di atas, tetapi di bawah. Ini disebabkan terdapat faktor lain yang menahan perletakkan titik huruf tersebut di atas huruf. Faktor yang menghalang ialah faktor fungsi.

Huruf *Ba* dalam kaedah Bahasa Arab banyak digunakan dalam حرف جر (kata sendi). Antara fungsi kata sendi ialah membaris bawahkan perkataan yang datang selepasnya seperti contoh بِسْمِ اللَّهِ. Huruf *Mim* (م) pada بِسْمِ diletakkan baris *kasrah* (bawah) kerana didahului oleh huruf *Ba* sebagai kata sendi. Justeru daripada fungsi huruf *Ba* dalam kaedah ini, maka titik bagi huruf *Ba* (ب) diletakkan satu titik di bawah hurufnya manakala titik huruf *Ta* (ت) dan *Tha* (ث) dikenakan di atas.

## KESIMPULAN

Kajian merumuskan bahawa penandaan titik bagi huruf *Ba'* ini hanya mempunyai hubungan secara langsung dengan tiga faktor sahaja daripada empat faktor keseluruhannya. Tiga faktor tersebut ialah kedudukan, fungsi dan susunan. Kajian juga menemui peranan besar fungsi huruf berbanding sebutan huruf pada penentuan sesuatu titik. Semoga hasil kajian ini dapat membantu para pencinta ilmu al-Quran tanpa mengira peringkat dan usia. Wassalam.

## RUJUKAN

- Abu al-Qasim, Abdullah bin 'Abd al-'Aziz al-Baghdadi. (1973). *al-Kuttab Wa Sifah al-Dawah Wa al-Qalam Wa Tasrifuha*. Iraq: Majallah Turathiyyah
- al-Asfahani, Abu Abdullah Hamzah bin al-Hasan. (1991). *al-Tanbih 'Ala Huduth al-Tashif*. Beirut: Dar Sadir
- al-Baladzuri, Abu al-'Abbas Ahmad bin Yahya bin Jabir. (1987). *Futuh al-Buldan*. Beirut: Muassasah al-Ma'arif
- Creswell, J. W. (1994). *Research Design: Qualitative & Quantitative Approaches*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- al-Dani, Abu 'Amru 'Uthman bin Sa'id al-Andalusiy. (1986). *al-Muhkam Fi Naqt al-Masahif*. Damshiq: Dar al-Fikr
- Denzin, N. K. and Lincoln Y. S. (1994). *Handbook of Qualitative Research*. London: Sage.
- Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP). (2010). Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman. (1990). *Tarikh al-Islam*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi
- Fatimah Saleh dan Lim Chap Sam. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Ghanim Qadduri al-Hamad. (2009). *Rasm al-Mushaf Dirasah Lughawiyyah Tarikhiiyah*. 'Amman: Dar 'Ammar li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibn 'Abd Rabbihu, Ahmad bin Muhammad bin 'Abd Rabbihu al-Andalusi. (1983). *al-'Iqd al-Farid*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Ibn Abi Daud, Abu Bakar Abdullah bin Sulaiman bin al-Ash'ath al-Sijistani al-Hanbali. (2002). *Kitab al-Masahif*. Beirut: Dar al-Bashair al-Islamiyyah
- Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf. (2006). *Manzumah al-Muqaddimah fima Yajibu 'ala Qari al-Qur'an an Ya'lamu*. Jeddah: Dar Nur al-Maktabat.
- Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf. (1993). *al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Nadim, Muhammad bin Ishaq al-Waraq. (1971). *Kitab al-Fihrist Fi Akhbar al-'Ulama al-Musannifin Min al-Qudama' Wa al-Muhaddithin Wa Asma' Kutubihim*. Beirut: Dar Ma'rifah
- Ibn Duraid, Abu Bakar Muhammad bin al-Hasan bin Duraid. (1991). *al-Ishtiqaq*. Beirut: Dar al-Jail

- Ibn Jinni, Abu al-Fath ‘Uthman bin Jinni. (1993). *Sirr Sina’at al-I’rab*. ed. Hasan Hindawi. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Ibn Khallikan, Shams al-Din Ahmad bin Muhammad bin Ibrahim bin Khallikan. (2009). *Wafayat al-A‘yan wa Anba’ Abna’ al-Zaman*. Beirut: Dar Sadir
- Ibn Qutaibah, Abu Muhammad Abdullah bin Muslim bin Qutaibah al-Dainuri. (1981). *al-Ma’arif*. Kaherah: Dar al-Ma’arif
- Ibn Qutaibah, Abu Muhammad Abdullah bin Muslim bin Qutaibah al-Dainuri. (1982). *al-Shi’r Wa al-Shu’ara*. Kaherah: Dar al-Ma’arif
- Ibrahim Jum’ah. (1947). *Qissah al-Kitabah al-‘Arabiyyah*. Kaherah: Dar al-Ma’arif
- Israel Wolfensohn. (1929). *Tarikh al-Lughah al-Samiyyah*. Kaherah: Matba’ah al-I’timad
- al-Juraysi, Muhammad Makki Nasr. (2011). *Nihayah al-Qawl al-Mufid fi ‘Ilm al-Tajwid*. Kaherah: al-Maktabah al-Taufiqiyyah.
- Juwaidi. (1908). *Muhadarat Adabiyyah al-Jughrafiyya Wa al-Tarikh Wa al-Lughah ‘Ind al-‘Arab*. Kaherah: Maktab al-Majallah al-Jami’ah
- al-Khalil bin Ahmad al-Farahidi. (1967). *al-‘Ain*, ed. ‘Abdullah Darwish. Baghdad: Matba‘at al-‘Ani.
- Mohd. Zaki Abd. Rahman. (2001). *Huruf Dalam Bahasa Arab: Nilai Dan Kegunaannya*. Tesis Kedoktoran. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Muhammad Hasan Hasan Jabal. (2006). *al-Mukhtasar fi Aswat al-Lughah al-‘Arabiyyah Dirasah Nazariyyah wa Tatbiqiyyah*. Kaherah: Maktabat al-Adab.
- Muhammad Salim Muhaisin. (2002). *Irshad al-Talibin ila Dabit al-Kitab al-Mubin*. Kaherah: Dar al-Muhaisin.
- al-Musili, Iqlimi Yusuf Daud. (2008). *al-Lum’ah al-Shahiyah Fi Nahw al-Lughah al-Siryaniyyah*. Moussly: Dar Haziran
- Punch, K. F. (2001). *Introduction to Social Research Quantitative and Qualitative Approaches*. London: Sage.
- al-Qadi, ‘Abd al-Fattah (2003), *Tarikh al-Mushaf al-Syarif*. Kaherah: Maktabat al-Azhar
- al-Qalaqshandi, Shihabuddin Ahmad bin Ali bin Ahmad al-Firazi. (1922). *Subh al-A’sha*. Kaherah: Dar al-Kutub al-Misriyyah
- Ribhi Kamal. (1963). *Durus al-Lughah al-Tibriyyah*. Damshiq: Matba’ah Jami’ah
- al-Shatibi, al-Qasim bin Firruh. (2010). *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*. Madinah: Maktabah Dar al-Huda.
- Sibawayh, Abu Bishr ‘Amr bin ‘Uthman bin Qanbar. (1977). *al-Kitab*. ed. ‘Abd al-Salam Muhammad Harun. Kaherah: al-Hay’ah al-Misriyyah al-‘Ammah li al-Kitab.
- al-Suli, Abu Bakar Muhammad bin Yahya. (1922). *Adab al-Kuttab*. Kaherah: al-Matba’ah al-Salafiyyah
- Surur Shihabuddin bin Hassan. (2007). *Ilmu Tajwid Menurut Riwayat Hafs ‘an ‘Asim Melalui Toriq asy-Syatibiyyah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Suyuti al-, Jalaluddin ‘Abd al-Rahman bin Abu Bakar. (2004). *al-Itqan fi ‘Ulum al-Qur’an*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Suyuti al-, Jalaluddin ‘Abd al-Rahman bin Abu Bakar. (1966). *Sharh Shawahid al-Mughni*. Kaherah: Lajnah al-Turath al-‘Arabi

- Woods, P. (2006). Faculty of Education, University of Plymouth. Dicapai dari <http://www.edu.plymouth.ac.uk/resined/Qualitative%20methods%202/qualrshm.htm>.
- Zubaidi al-, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Abd al-Razzaq al-Murtadha al-Husaini al-'Iraqi al-Hindi al-Misri al-Hanafi. (1989). *Hikmah al-Ishraq Ila Kuttab al-Afaq*. Kaherah: Matba'ah al-Madani